

Didik rakyat berdisiplin kawal laman sosial

Baru-baru ini, seluruh negara seperti tersentak apabila timbul cadangan meminta kerajaan menyekat atau mengharamkan laman sosial seperti Facebook (FB) susulan terlalu banyak kes penyalahgunaan sehingga dilihat boleh menggugat keharmonian masyarakat dan keselamatan negara.

Susulan itu, pelbagai pemimpin politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pengamal dan pengguna laman sosial terutama yang tegar memberi reaksi terhadap cadangan berkenaan.

Boleh dikatakan kebanyakannya tidak bersetuju dengan langkah berkenaan dengan memberi pelbagai alasan antaranya ia menyekat kebebasan komunikasi di samping melihat ia

serta perkauman.

Apa yang berlaku ini disebabkan perubahan ketara kehidupan manusia hari ini yang tidak dapat memisahkan diri dengan gajet, internet, laman sosial dan aplikasi sembang. Gajet dan internet kini menjadi ecstasy kepada manusia.

Boleh dikatakan kecenderungan seperti ini adalah satu ketagihan yang tidak terkawal dan boleh memberi kesan sampingan yang negatif bukan saja terhadap diri pengguna itu sendiri, tetapi masyarakat serta negara.

Haramkan FB kurang berkesan

Justeru, timbul persoalan adakah wajar laman sosial seperti FB khasnya disekat, ditapis atau diharamkan dari-

menyekat aplikasi atau program komputer yang dimaksudkan.

Jika sekatan dilakukan, pihak ISP masih tidak boleh menghalang pemilik aplikasi laman sosial seperti FB menaik tarafnya bagi membolehkan aplikasinya diakses.

Lagi pun, cara ini digunakan Kerajaan China untuk menyekat rakyatnya daripada mengakses FB. Langkah itu dapat dilaksanakan kerana China mengamalkan dasar ketat terhadap aplikasi yang hendak memasuki negara berkenaan.

Namun, ISP dan syarikat telekomu-

Guna laman web gugat keharmonian negara mesti segera diatas



"Pada prinsipnya, jika kita terima



langkah yang amat tidak praktikal. Namun, ada juga pemimpin politik termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berpendapat sudah sampai masanya internet yang mengandungi aplikasi laman sosial seperti FB ditapis kerana ia berperanan besar dalam menggugat moraliti awam. Beliau berpendapat internet mendatangkan mudarat terutama kepada anak kerana mudah terdedah kepada unsur lucu yang terkandung di dalamnya.

Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan, memang tidak dapat dinafikan internet serta aplikasi laman sosial boleh menggugat institusi sosial.

Internet khasnya laman sosial menjadi platform segelintir rakyat menyatakan perasaan mereka sama ada gembira, marah atau tidak puas hati terhadap sesuatu isu atau perkara tanpa memikirkan akibatnya.

Malangnya perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini menunjukkan pengguna laman sosial semakin hilang pertimbangan apabila mudah menyalahgunakannya untuk menghina, mencerca atau mengutuk pihak lain termasuk simbol negara sehingga menimbulkan isu agama

pada diakses rakyat negara ini. Jika boleh ditapis atau disekat, apakah kaedah yang boleh digunakan.

Dalam hal ini, pakar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Prof Madya Dr Rusli Abdullah berpendapat cadangan itu sukar atau tidak praktikal dilaksanakan walaupun ia boleh dilakukan.

Timbalan Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, laman sosial seperti FB atau laman sembang seperti WhatsApp adalah aplikasi komputer yang boleh dikawal dengan aplikasi lain.

Walaupun begitu jelasnya, jika kerajaan hendak menyekat atau mengharamkan aplikasi berkenaan, pemilik juga boleh mencari jalan bagaimana untuk mengelak aplikasi mereka disekat dan diakses.

"Aplikasi ini ibarat virus. Jika kita cipta satu antivirus untuk menyekatnya, esok atau lusa virus yang kita sekat ini akan menjadi virus versi baharu dan boleh masuk ke negara ini.

"Ia tidak akan berhenti begitu saja. Sampai bila kita hendak menyekatnya kerana ia akan berterusan atau *revolve*," katanya.

Dalam hal ini, Rusli menegaskan antara cara paling mudah untuk mengharamkan laman sosial seperti FB daripada diakses di negara ini ialah dengan meminta bantuan penyedia perkhidmatan internet (ISP) dan syarikat telekomunikasi menyekat alamat protokol internet (IP) aplikasi berkenaan.

Persoalan yang timbul dalam isu ini ialah, adakah syarikat ISP di negara ini sanggup untuk bersama-sama kerajaan bagi

nikasi tidak mungkin bersetuju dengan pendekatan itu kerana ia boleh menjasakan perniagaan serta keuntungan mereka. Tambahan pula, FB adalah laman sosial popular dan digunakan pemilik akaun untuk pelbagai tujuan termasuk menjalankan perniagaan dalam talian.

Ketika ini ISP dan syarikat telekomunikasi menawarkan pakej perkhidmatan pelan data kepada pelanggan bukan saja untuk berhubung tetapi melayari internet, sekali gus boleh mengakses laman sosial.

Justeru, jika FB disekat, sudah tentu akan menjasakan perniagaan syarikat telekomunikasi. Ini antara isu yang perlu diambil kira sebelum mengharamkan laman sosial seperti FB.

Rusli turut berkata, cadangan untuk mewajibkan pemilik akaun laman sosial seperti FB mendaftar juga tidak praktikal kerana laman sosial pada asasnya adalah medium untuk manusia berhubung, bermesra dan bersosial.

"Adakah hanya kerana hendak bertanya khabar dengan orang lain maka kita perlu daftar? Yang melakukan pelanggaran etika hanya segelintir. Adakah perlu kita buat semua itu?

laporan mengatakan ada individu menghina raja, kaum dan agama menerusi internet dan laman sosial, sebenarnya kita boleh kesan di mana dan bila ia dilakukan. Isunya, siapakah yang lakukan," katanya.

Kod Pengesahan Pengguna

Sementara itu, ada juga cadangan dikemukakan supaya kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran keselamatan yang dinamakan Kod Pengesahan Pengguna (UAC) seperti diguna pakai Maybank iaitu Kod Pengesahan Transaksi (TAC) bagi tujuan mengenal pasti individu yang mengakses laman sosial.


Sistem UAC mungkin dibekalkan CyberSecurity Malaysia atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang akan mempunyai set nombor tertentu yang diperlukan pada lapisan pengenalan kedua bersama kata pengguna dan kata laluan untuk apa juga akses laman sosial.

Sistem ini dikatakan amat berkesan bagi mengelak akaun laman sosial individu diceroboh. Untuk memperoleh nombor UAC, pengguna perlu mempunyai telefon bimbit yang mempunyai

"

Aplikasi ini ibarat virus. Jika kita cipta satu antivirus untuk menyekatnya, esok atau lusa virus yang kita sekat ini akan menjadi virus versi baharu dan boleh masuk ke negara ini"


Dr Rusli Abdullah,
Timbalan Dekan Fakulti Sains
Komputer dan Teknologi
Maklumat Universiti
Putra Malaysia



Laman sosial seperti FB diguna untuk pelbagai tujuan termasuk menjalankan perniagaan.

Kelompok tidak beretika salah guna FB kerana pemilik akaunnya sukar dikesan.

[GAMBAR HIASAN]



SERI II
OTH

intan@b...

khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk Cyber-Security Malaysia atau SKMM menghantar UAC.

Ini mungkin satu bebanan, tetapi ia berkesan untuk mengesan pemilik akaun laman sosial sebenar dan mengelak akaun pengguna diceroboh untuk tujuan menghina atau menyebar fitnah.

Dengan cara ini, kerajaan atau pihak berkuasa mengawal aktiviti internet boleh mengesan individu yang didapati menyalahgunakan laman sosial untuk tujuan menghina dan mencerca pihak lain.

Namun, penggunaan sistem UAC akan memakan kos tinggi kerana ia akan membabitkan penghantaran SMS setiap kali pemilik akaun hendak mengakses akaun laman sosialnya.

Jika terdapat hampir 14 juta orang memiliki akaun FB di negara ini, siapakah yang akan menanggung kos penghantaran SMS itu kepada pengguna telefon bimbit yang mahu mengakses lamian sosialnya.

“Saya tidak nampak laman sosial seperti FB ini boleh dikawal secara langsung kerana akan ada lompong kelemahan yang menggalang usaha ini.

Sesiapa yg btggjbw kes ats berita ini harus menarik balik dn meminta maaf kpd keluarga sultan dn msykt islam...cukup2 la dgn isu konflik agama.

6 jam yang lalu

Aku setuju dng kau memang sepisis setan....

9 jam yang lalu

Jangan la mengeruhkan lagi keadaan.. semua ni adalah fitnah dan buktikanlah sekiranya benar... sebagai... Lihat seterusnya..

7 jam yang lalu

3 orang

Inilah yang mereka mahu iaitu membala dendam terhadap Sultan Selangor kerana bertegas dalam isu agama... Lihat seterusnya..

Facebook jadi tempat perdebatan perkara yang tidak sepatutnya.

“Bagi saya, apa yang perlu ialah kita perlu ada sistem mendidik rakyat kita agar lebih berhemah dan beretika ketika menggunakan laman sosial,” kata Rusli lagi.

Apa yang pasti, revolusi kebebasan internet yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia hari ini mula menampakkan bahaya besar kepada rakyat serta negara terutama yang berbilang bangsa, budaya dan kepercayaan agama.

Kebebasan dan hak asasi maya mencetuskan satu tanggapan baru kepada pengguna internet tidak beretika kononnya mereka kebal daripada sebarang tindakan undang-undang kerana menyangka apa yang dinukilkan dalam internet sebagai luahan hati yang tidak akan menjelaskan kehidupan bermasyarakat dan hidup bernegara.

Tak ambil peduli sensitiviti masyarakat

Ia menyebabkan psikologi golongan ini tidak mengambil kisah sensitiviti masyarakat, tidak memikirkan kesannya kepada realiti kehidupan dan paling bahaya, mewujudkan generasi berfikiran mahu hidup bebas undang-undang serta peraturan.

Sebab itu jika dilihat kepada kenyataan yang ditulis pengguna laman sosial dan

internet hari ini, mereka mencemuh serta meremehkan peraturan atau undang-undang kerana menganggap ia menyekat kebebasan.

Bagi golongan ini, hidup pada hari ini dan masa mendatang tidak perlu lagi diikat dengan peraturan dan undang-undang serta mengimpikan kebebasan dunia internet ini menjadi realiti dalam kehidupan sebenar.

Maka, tidak menghairankan apabila kelompok tidak beretika ini amat menentang sebarang sekatan kebebasan, tidak mengambil kisah lagi kepentingan budaya, agama dan kepercayaan agama sebagai asas penting meniti kehidupan di dunia nyata.

Dalam hal ini, masih belum terlambat bagi semua pihak termasuk kerajaan, persatuan sosial, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat dan institusi keluarga untuk memperbetulkan revolusi pemikiran bebas berinternet ini.

Sistem pendidikan negara hari ini perlu dimantapkan lagi terutama dalam aspek pembinaan sahsiah yang perlu merangkumi semangat dan pemikiran generasi hari ini supaya revolusi kebebasan internet hari ini dapat digunakan bagi tujuan murni, bukan menimbulkan lagi krisis sosial dalam masyarakat serta negara.